

Sinar Harian - 20/4/2016

## LKPU iktiraf program ISMU UniSZA

**KUALA TERENGGANU** - Program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Dengan Kepujian Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mendapat pengiktirafan penuh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) sejak 18 Oktober tahun lalu.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, program ISMU yang telah mula ditawarkan sejak 2006 telah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 2010.

"Pada November 2012, program ini telah dinilai oleh panel penilai LKPU dan telah diberi pengiktirafan sementara oleh LKPU pada 7 November 2013.

"Sejak itu, UniSZA telah menjalankan penambahbaikan berterusan terhadap program ISMU dan satu penilaian semula telah dilaksanakan LKPU pada 14 hingga 16 April 2015 dan diberikan pengiktirafan penuh akhir tahun lalu" katanya pada sidang media diadakan di Kampus Perubatan UniSZA, di sini.

Beliau berkata, dengan pengiktirafan penuh itu, graduan Fakulti Undang-

Undang dan Hubungan Antarabangsa (Fuha) yang menamatkan ISMU mereka sejak Oktober 2015 kini dikecualikan daripada Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG) dan boleh terus menjalani tempoh chambering atau pupilage dalam mengejar cita-cita menjadi peguambela dan peguamcara.

"Graduan 2014 dan sebelumnya masih tertakluk dengan keputusan LKPU pada 7 November 2013 di mana mereka diberi pengiktirafan sementara yang memerlukan mereka lulus PSAG sebelum menjadi orang berkelayakan seperti termaktub dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976.

"Bagi graduan kumpulan ini, UniSZA telah bersetuju untuk menanggung kos yuran peperiksaan PSAG bagi memastikan hasrat mereka untuk bergelar peguam tercapai," katanya.

Program ISMU UniSZA mengambil tempoh empat tahun dan sama dengan program sarjana undang-undang di universiti-universiti awam lain termasuk struktur kurikulum, silibus, kelayakan kemasukan pelajar dan kelayakan tenaga pengajar.